

28/01/1997

Membina semula tamadun ilmu berasas al-Quran, as-Sunnah

Zahidin Mahmood

DR TAHA Jabal Al-Ilwani, dari Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIT), Amerika Syarikat berpendapat dalam rangka melaksanakan usaha ini, IIT menyediakan sejumlah besar bahan yang diriwayatkan oleh ulama salaf mengenai tafsir, yang sedia dicetak. Antaranya ialah Marwiyat al-Iman Ahmad Ibn Hanbal fi al-Tafsir yang diselenggarakan oleh Dr Hikmat Basyir, Profesor Ilmu Tafsir, di Universiti Islam Madinah al-Munawarah.

Termasuk juga kitab Nazariyat al-Ma'rifat fi al-Quran al-'Azimel yang sedang disediakan oleh Muhammad Abu al-Qasim Haji Hamd (Dr Taha Jabir: Kata Pengantar beliau dalam kitab Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Quran (Kaifa Nata'amalu ma'a al-Quran: Oleh Syeikh Muhammad al-Ghazali): Penterjemah `Muhammad Rivai Batubara: diterbitkan oleh Abim 1994).

Menurut as-Syeikh Muhammad al-Ghazali, ciri khas al-Quran banyak. Mungkin anda dapat mengesan pada kesepaduan metodologinya yang menyeluruh, terutama mengenai susunannya yang bersifat tawqif, berhubung peringkat masa turunnya secara bertahap yang diperkaitkan dengan pelbagai situasi. Dengan itu, setiap surah mempunyai tonggak dan matlamatnya yang asas dan ia menyatakan pokok persoalan yang menyeluruh bagi al-Quran di dalam kesepaduannya yang lengkap.

Begitu juga, anda dapat mengesannya pada pemeliharaan Ilahi dan sumbangan yang terus-menerus; ia akan terserlah mengikut kehendak zaman.

Ia menguasai zaman, tempat dan pelbagai perubahan, dengan sumbangan yang diberikan berbentuk kesedaran yang sempurna bagi kewujudan alam, pergerakannya dan hubungannya.

Sesungguhnya ia adalah kesedaran alam seluruhnya yang terkandung di dalam kalimat Allah. Maka tidak mungkin lagi masa silam, masa kini, atau akan datang diketahui secara mutlak, melainkan dengan mengambil daripada wahyu itu apa yang dikehendaki oleh masa mengikut situasi sejarahnya, hubung kaitnya dengan sosial dan tamadun dan cara pemikirannya. (As-Syeikh Muhammad al-Ghazali: Kaifa Nata'amalu ma' al-Quran).

Apa yang dapat kita fahami mengikut pendapat Muhammad al-Ghazali ialah usaha untuk mengangkat martabat atau tamadun umat Islam adalah satu tuntutan Islam yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapapun. Di atas dasar inilah saya amat bersetuju dengan komentar A Nazri Abdullah bahawa kejayaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, menghimpunkan pemimpin teknologi maklumat (IT) dan seterusnya mengajak mereka duduk semeja sebagai panel penasihat antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia adalah satu kejayaan luar biasa yang sekali gus mengajar mereka erti kerjasama untuk kemajuan manusia sejagat. Ini adalah kekuatan luar biasa yang dimiliki Dr Mahathir yang sedikit sebanyak menakjubkan tokoh korporat IT di Amerika.

Beliau adalah contoh seorang pemimpin Islam yang tidak pernah mengenal penat lelah. Jika pemimpin lain mengurangkan waktu bekerja atau bercuti pada bulan puasa, Dr Mahathir melipatgandakan kerja.

Pemimpin lain memilih untuk berehat di Makkah mencuci dosa, Dr Mahathir mencari pahala dengan bekerja lebih masa untuk kemajuan bangsa. (Komentar A Nazri Abdullah: Berita Minggu, Ahad 19 Januari 1997, ms; 12).

Sepatutnya umat Islam yang sedang menghadapi `Azmatul Hadharah' (krisis tamadun) menurut Malek Bennabi, bekerja keras mempertingkatkan martabat serta imej umat Islam di kaca mata Barat. Tambahan pula kita sedang memasuki abad ke-21.

Tidak sepatutnya terdapat pandangan yang negatif terhadap usaha murni Dr

Mahathir itu.

Menurut Alvin Toffler: "The electronic infrastructure of the advanced economies will have six distinct features; some of which have already been foreshadowed. These half dozen keys to the future are; interactivity, mobility, convertibility; connectivity; ubiquity and globalization. The combination of these six principles produces a revolutionary nervous system for the planet, capable of handling vastly enlarged quantities of data, information, and knowledge at much faster transmission and processing rates. It is far more adaptable, intelligent, and complex nervous system for human race than ever before imagined".

Menurut Alvin Toffler: Infrastruktur elektronik dalam ekonomi maju akan mempunyai enam ciri yang berbeza dengan sebahagian daripadanya sudah dapat kita lihat. Setengah dozen kunci kepada masa depan itu adalah: `Saling bertindak, mudah bergerak, senang diubah, saling berhubung, boleh didapati di mana-mana dan sejagat (menyeluruh). Kombinasi keenam-enam ciri itu akan melahirkan satu sistem revolusi untuk dunia dan berkemampuan menyimpan lebih banyak data, informasi serta ilmu pengetahuan dengan lebih cepat dan laju.

Sistem ini adalah jauh lebih sesuai, bijak dan kompleks untuk kegunaan manusia yang belum pernah kita impikan sebelum ini." (Alvin Toffler: Visiting Prof At Cornell University, a Washington correspondent and a visiting Scholar at the Russel Sage Foundation: Power Shift; Bab, The Screenie Generation).

Mungkin Dr Mahathir sudah melihat kemungkinan Toffler di atas lebih dulu daripada kita.

Dunia yang kita lihat dimonopoli oleh negara kaya seperti Amerika dan Negara Kesatuan Eropah (EU) untuk menguasai ekonomi dan teknologi komunikasi sebenarnya terhasil daripada perancangan sulit dan strategik kumpulan pemodal elit Yahudi antarabangsa yang duduk di bandar London dan terdapat satu jawatankuasa yang dianggotai oleh 12 hingga 14 orang pentadbir.

Perkara ini dinyatakan oleh Des Griffin dalam bukunya `Descent into Slavery (1980)'. Menurut beliau jawatankuasa inilah yang menguasai perbendaharaan dan kerajaan Britain.

Menurut sejarah keluarga Rothschild bangsa Yahudi berjaya menguasai ekonomi Britain melalui suatu strategi di Bursa Saham London pada 1815.

Pada tahun itu berlaku peperangan antara dua kumpulan tentera yang terbesar iaitu antara tentera Wellington (Inggeris) dengan tentera Napoleon (Perancis).

Pada ketika kemuncak peperangan, Nathan Mayer Rothschild menjual secara habis-habisan semua saham yang ada padanya untuk memberi gambaran seolah-olah tentera Wellington akan kalah, kerana jika tentera Wellington kalah harga saham akan jatuh dengan teruk.

Apabila harga saham jatuh ke paras lima sen setiap dolar, Nathan secara diam-diam membeli balik semua saham yang ada dengan harga yang paling rendah. Ini kerana beliau terlebih dulu mengetahui bahawa tentera Wellington akan menang melalui saluran berita dari rangkaian perisiknya sendiri yang terbaik.

Apabila berita mengenai kemenangan tentera Wellington sampai ke Bursa Saham London, harga saham melambung naik dan Nathan mendapat keuntungan berlipat ganda. Melalui kekuatan ekonominya di England keluarga Rothschild memperkuatkan pengaruh ekonominya di negara Eropah pada zaman yang berikutnya (Des Griffin: Descent Into Slavery, Oregon USA, Emissary Publications. 1980. Edisi 1988 Hlm. 28-44).

Dalam satu buku bertajuk, The Most Secret Science (Sains Yang Paling Dirahsiakan) Archibald E Roberts (1988), menunjukkan bahawa pemodal elit antarabangsa berjaya menguasai ekonomi Amerika Syarikat melalui 12 Bank

Simpanan Persekutuan (Federal Reserve Banks). Setiap bank Simpanan Persekutuan itu adalah syarikat korporat persendirian yang dimiliki oleh individu dan bukannya badan kerajaan Amerika Syarikat. Kongres Amerika Syarikat pada 23 Disember 1913 meluluskan Akta Simpanan Persekutuan (Federal Reserve Act) yang memberi kuasa kepada 12 bank persekutuan untuk mencetak wang dolar Amerika Syarikat.

Antara pemilik bank itu ialah: Rothschild Banks of London dan Berlin, Lazard Brothers Bank of Hamburg dan Amsterdam, Lehman Brothers Bank of New York dan pemilik yang kelapan ialah Goldman Sachs Bank of New York. Menurut Archibald 'master mind' yang merangkakan projek Bank Simpanan Persekutuan itu adalah Alfred Rothschild dari London. (Archibald E Roberts, *The Most Secret Science*, Fort Collins, Co. Betsy Ross Press. 1984. Edisi 1988 Hlm 54 dan 56).

Menurut Yusuf Ali, ada tiga jenis benda yang disebutkan sebagai pemberian Allah.

Dalam istilah yang konkrit ia adalah kitab, neraca dan besi, yang menjadi lambang bagi tiga perkara yang menyatukan masyarakat seperti firman Allah (surah al-Hadid 57: 25) dalam al-Quran yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami utus beberapa orang Rasul Kamu dengan (membawa) keterangan dan kami turunkan beserta mereka Kitab dan Neraca (keadilan), supaya berdiri manusia di atas keadilan. Dan Kami turunkan (adakan) besi, untuk (mendapat) kekuatan yang hebat dan beberapa manfaat bagi manusia." (Yusuf Ali, *The Meaning of Illustrious Quran*, Jilid II, hlm; 1505, nota 5313 dan 5315).

Afzal-Ur-Rahman berkata, dalam ayat itu, al-Quran menerangkan fungsi utama Rasul iaitu mereka diutus untuk mewujudkan keadilan sosial di dunia.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, mereka diberikan kitab dan neraca (keadilan). Oleh itu mereka berupaya memberhentikan perbuatan sia-sia yang tidak patut dilakukan oleh manusia dan seterusnya dapat mengekalkan keseimbangan.

Perlu diingat keadilan itu bukan semata-mata dari segi moral dan rohani, tetapi meliputi setiap aspek kehidupan manusia.

Amat perlu diwujudkan keadilan ke segenap kehidupan manusia, jadi keharmonian dapat dipelihara dalam setiap tindakan manusia; pengekal keharmonian dan kesederhanaan dalam bidang ekonomi tidak mungkin berjaya tanpa kekuatan, yakni, dalam ayat itu dimaksudkan kepada kuasa politik (Afzal-Ur-Rahman: *Economic Doctrines of Islam*, vol I, Edisi Kedua; terbitan Islamic Publication Ltd, Lahore, 1980).

Terjemahan dalam bahasa Malaysia dibuat oleh Mustafa Kassim dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka 1991; ms. 25.

Oleh yang demikian, perjuangan umat Islam pada abad ini dan akan datang adalah perjuangan untuk menebus maruah dan sekali gus membina satu tamadun umat Islam yang baru berdasarkan seluruh kriteria zaman dan lingkungan dalam aspek sains sosial, ekonomi dan kekuatan politik.

Ketiga-tiga kekuatan inilah mungkin disedari sejak awal oleh musuh Islam untuk menguasai umat Islam. Jadi sesiapa yang berusaha ke arah itu bererti dialah mujahid Islam yang sebenarnya.

Bagi Islam ia sememangnya agama yang mendorong ketamadunan. Almarhum Prof Ismail al-Faruqi (1984) dalam tulisan '*Islam: The Civilizing Force*', menyebut, "It inspires and move the Muslim, to changes himself, the others, nature and the world." (Ia menginspirasikan dan menggerakkan seseorang Muslim, untuk menukarkan dirinya, yang lain, alam sekitar dan dunia seluruhnya) - Sila lihat tulisan Mustaffa Kamil Ayub (1994): "*Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*": terbitan Budaya Ilmu Sdn Bhd ms; 280).

Umat Islam seharusnya berusaha menterjemahkan ibadat mereka secara lebih berani, realistik serta mempunyai daya saing yang tinggi dan cemerlang.

Kalaupun kita terpaksa menembusi hingga ke dalam daerah operasi musuh, itu tidaklah bermakna bahaya bagi kita jika kita bijak mengambil peluang yang ada, daripada sentiasa menentang semua peluang kerana takut berdosa.

Maka umat Islam di Malaysia sepatutnya mengambil peluang serta kesempatan pada bulan yang mulia ini untuk mencari erti kemuliaan dan penentuan yang sebenarnya pada malam Lailatul Qadr bersama PM dengan MSC.

(END)